

PM terima sumbangan untuk mangsa banjir

Um - 18/1/2007

PUTRAJAYA 17 Jan. –Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerima sumbangan daripada TSR Capital Bhd. berupa beras, sardin dan selimut bagi membantu mangsa banjir di Johor.

Sumbangan itu diserahkan oleh Pengarah Urusannya, Tengku Datuk Mustapha Tengku Mohamed di pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Sebanyak 100 tan beras, 55,200 tin sardin dan 4,000 helai selimut dihantar bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa banjir itu.

Majlis itu turut dihadiri oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Timbalan Pengerusi TSR, Datuk Lim Kang Yew dan Pengurus Projek TSR, Datuk Mohd Zuki @ Latif Abdul Wahad.

Sementara itu, Abdullah selaku Presiden Agung Kehormat Persekutuan Pengakap Malaysia menyerahkan Baton Keamanan Pengakap Kelana 24 Negara Wilayah Asia Pasifik kepada pemimpin Pengakap Kelana Johor,

Mohd. Azlan Abdul Jalil.

Baton Keamanan ini akan diserahkan kepada Persekutuan Pengakap Brunei di ibu pejabatnya di Brunei, esok.

Baton Keamanan Pengakap Kelana merupakan simbol kesungguhan anggota pengakap yang melebihi 18 juta orang untuk mewujudkan dan mengekalkan satu wilayah yang sentiasa mengutamakan perpaduan dan keamanan serta memastikan pengakap sentiasa menjadi pelopor keamanan di negara dan rantau ini.

Turut hadir ialah Ketua Pengakap Negara, Datuk Seri Dr. Shafie Mohd Salleh.

- Bernama

ABDULLAH Ahmad Badawi bertanya khabar warga emas ketika melawat pusat pemindahan mangsa banjir di Sekolah Menengah Datuk Sulaiman, Parit Sulong, Batu Pahat, Johor, semalam. Kelmarin Perdana Menteri meninjau keadaan banjir di Daerah Kota Tinggi dan Johor Bahru.

- Gambar Bernama

